SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 (40)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

JKPTG BUKTI TRANSFORMASI PENTADBIRAN TANAH NEGARA, 91.16% PINDAH MILIK SIAP SATU HARI

Sambutan Hari Tanah Negara (HTN) Ke-10 membuktikan kejayaan transformasi pentadbiran tanah negara yang kini lebih pantas, moden dan berorientasikan rakyat, dengan prestasi penyampaian perkhidmatan serta tadbir urus tanah yang terus diperkukuh.

Majlis Kemuncak HTN 2026 bertemakan **"Tanah Kita, Tanggungjawab Kita"** mengetengahkan pelbagai pencapaian strategik Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), termasuk peningkatan kadar pendaftaran pindah milik tanah dalam tempoh satu hari kepada **91.16 peratus**, penyelesaian **37,494 kes harta pusaka kecil**, serta peluasan Sistem **e-Tanah** yang mempercepat urusan rakyat dan meningkatkan ketelusan pentadbiran.

Peningkatan prestasi Pendaftaran Perserahan Pindah Milik Tanah Dalam Tempoh Satu Hari yang kini mencapai 91.16 peratus pada suku kedua tahun 2026 berbanding 81.75 peratus pada tahun sebelumnya. Sebanyak 40,818 urusan pindah milik berjaya diselesaikan dalam tempoh satu hari, membuktikan keupayaan Pentadbiran Tanah Negeri dan Wilayah Persekutuan yang diperkukuh melalui pendigitalan sistem serta penyelarasan berterusan oleh JKPTG.

Transformasi ini dipacu melalui **perluasan Sistem e-Tanah, yang kini digunakan oleh tujuh Pentadbiran Tanah Negeri dan Wilayah Persekutuan**. Sistem ini bukan sahaja mempercepatkan urusan rakyat, malah meningkatkan ketelusan, integriti data serta kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Pelaksanaan e-Tanah juga telah menyumbang kepada peningkatan hasil kerajaan dengan kutipan melebihi RM3 bilion di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tempoh 2018 hingga 2022, selain mengukuhkan daya saing negara melalui sistem pentadbiran tanah yang lebih moden dan bersepadu.

JKPTG turut menyokong pelaksanaan projek pembangunan strategik negara di bawah RMKe-12 melibatkan **14,395 lot tanah**, selain merekodkan peningkatan hasil kerajaan melalui pengurusan aset tanah Persekutuan dan pelesenan pasir laut yang lebih cekap serta telus.

Majlis Kemuncak HTN 2026 disempurnakan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup di Putrajaya, hari ini. Dalam ucapannya, beliau berkata pengurusan tanah yang mampan merupakan asas kepada pembangunan negara, keselamatan makanan, ekonomi hijau dan kesejahteraan rakyat. Beliau turut menggariskan keutamaan memperkukuh tadbir urus tanah, membanteras pencerobohan, memelihara Tanah Rizab Melayu dan Tanah Adat Negeri serta meningkatkan literasi masyarakat mengenai hak dan tanggungjawab sebagai pemilik tanah.

Sempena sedekad penganjurannya, HTN 2026 membawa mesej bahawa tanah bukan sekadar aset ekonomi, sebaliknya amanah bersama yang memerlukan komitmen kerajaan, pemilik tanah, industri dan seluruh rakyat demi menjamin kemakmuran negara untuk generasi akan datang.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
30 JULAI 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Tel: 03-8000 8000 | Faks: 03-8889 4763

nresmalaysia